

# Harga rumah kos rendah tidak naik

20 AUG 1990

Oleh JAILANI HARUN dan K SUTHAKAR

GEORGETOWN, Ahad — Harga rumah kos rendah tidak akan dinaikkan walaupun ia kekal pada paras \$25,000 seunit sejak 15 tahun lalu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan seboleh-bolehnya akan mengawal harga rumah jenis itu bagi memudahkan rakyat miskin dan berpendapatan rendah menikmati faedah perumahan yang dilaksanakan oleh kerajaan atau pemaju swasta.

Berucap merasmikan projek perumahan rakyat Batu Lanchang di sini, hari ini, beliau berkata, ini menunjukkan bahawa kerajaan memandang berat masalah perumahan golongan berpendapatan rendah.

Projek itu mengandungi 600 unit rumah pangsa kos sederhana dan dimajukan oleh Harijaya Mewah Kota Sdn Bhd.

Di majlis itu, Perdana Menteri menyerahkan kunci kepada penghuni 10 daripada 300 unit rumah yang sudah siap.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun harga barangan lain naik berlipat kali ganda sejak 15 tahun lalu, harga rumah kos rendah tetap kekal pada paras lamanya kerana kerajaan berpendapat semua rakyat perlu mempunyai rumah sendiri.

"Di sesetengah negara maju, rumah pangsa mereka sempit dan mahal. Rumah pangsa tiga bilik yang berharga \$25,000 di Malaysia, mungkin berharga \$250,000 di Jepun.

"Kerana itulah ramai rakyat negara itu tidak mampu membeli rumah dan sanggup tinggal di dalam kereta. Keadaan itu berbeza di sini kerana rakyat boleh mendapatkan kemudahan pinjaman jangka panjang untuk membeli jenis rumah yang mereka idamkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, rumah \$25,000 yang dibeli pada hari ini pula mungkin akan mencatat nilai jualan \$150,000 dalam tempoh 20 tahun lagi.

Lantaran itu, katanya, rakyat patut berterima kasih kepada kerajaan kerana melaksanakan pelbagai dasar yang membolehkan mereka mengecap nikmat hidup yang lebih baik daripada negara maju lain.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir menegur sikap penghuni bandar yang masih tidak menghargai usaha kerajaan itu dan sebaliknya memberi sokongan kepada parti pembangkang.

Dalam ucapannya ketika merasmikan tangga utama dan lorong pejalan kaki Kompleks Komtar sebelum itu, beliau berkata, penduduk bandar lebih cenderung kepada parti pembangkang walaupun mereka paling banyak menerima nikmat pembangunan negara.